

# **PERBEZAAN ISTILAH MALAYSIA – INDONESIA: SATU ANALISIS LINGUISTIK**

*Nor Hashimah Jalaluddin dan Halimah Hj. Ahmad*

## **Abstrak**

Istilah boleh dimasukkan di bawah payung perkamusian. Kekhususan kosa kata yang membezakan kedua-duanya. Tertubuhnya Majlis Bahasa Brunei, Indonesia dan Malaysia (MABBIM) telah menghasilkan jutaan istilah yang dipersetujui untuk dipakai bersama bagi meningkatkan persamaan dan kefahaman bahasa di peringkat lokal dan global. Meskipun begitu, masalah perbezaan istilah antara Malaysia dengan Indonesia masih menampakkan perbezaan yang ketara, malah semakin menjauh. Ada empat kategori istilah yang telah dipersetujui bersama, iaitu sama seluruhnya (contoh: **kekurangan penduduk**); istilah yang dipersetujui bersama tetapi berbeza sebahagiannya (contoh: **nomor** dan **nombor**); istilah yang bersinonim bagi salah satu negara (contoh: **alat/instrumen** bagi Indonesia dan **alat sahaja** bagi Malaysia). Seterusnya, istilah yang dipersetujui berbeza seluruhnya (contoh: **batas kota** bagi Indonesia dan **sempadan bandar** bagi Malaysia). Akhir sekali kategori istilah yang dipersetujui untuk digugurkan. Kertas ini akan memaparkan dan menjelaskan mengapa fenomena ini berlaku. Pengetahuan linguistik sekurang-kurangnya dapat memahamkan pengguna bahasa bahawa perbezaan ini ada kaitannya dengan faktor sejarah, budaya dan demografi.

## **Abstract**

*Terminology can be categorized under the umbrella of lexicography. The distinctive feature between the two is the level of specificity described in each area. The formation of Majlis Bahasa Brunei, Indonesia dan Malaysia (MABBIM) has successfully create millions of terminologies that are being agreed upon and this has in turn enhanced the understanding between the countries involved. However,*

*differences in terminologies between Malay and Indonesia continue to exist and in fact have become wider. There are four categories that have been agreed upon and they are first, total similarity (e.g.: kekurangan penduduk); second, terms that have been agreed upon but differ partially (e.g.: nomor and nombor); third, terms that are synonymous with at least one other country (e.g.: alat/instrumen for Indonesia and only alat for Malaysia); and lastly terms that are totally different in each country (e.g.: batas kota for Indonesia and sempadan Bandar). In addition, both countries decided to dismiss any terminologies that are totally different and incomprehensible. This paper aims to explain the occurrence of this phenomenon. Linguistics knowledge enables language users to understand that these differences are due to history, culture and demographic factors.*

## PENDAHULUAN

Bahasa Melayu ialah bahasa kebangsaan bagi empat buah negara di Asia Tenggara, iaitu Malaysia, Indonesia, Brunei Darussalam dan Singapura. Perbezaan nama ini lebih didorong oleh faktor geografi dan politik yang mempunyai perkembangan sejarahnya yang tersendiri. Namun dari sudut linguistik, bahasa Melayu dan bahasa Indonesia dapat dianggap sebagai dua dialek daripada satu bahasa yang sama. Justeru, dalam banyak aspek kebahasaan, kedua-duanya memperlihatkan banyak persamaan di samping beberapa perbezaan. Persamaan itu menunjukkan bahawa kedua-dua dialek atau ragam bahasa ini mengekalkan ciri-ciri warisan yang diperturunkan daripada satu sumber bahasa yang sama, manakala perbezaan itu pula menggambarkan kedua-duanya telah mengalami perubahan dan perkembangan yang tersendiri dalam mengharungi arus peredaran masa (Zaharani Ahmad, 2005).

Menyedari hakikat ini, Majlis Bahasa Brunei, Indonesia dan Malaysia (MABBIM) ditubuhkan. Kerja-kerja peristilahan memerlukan kesepakatan antara negara anggota, dan yang cuba dicapai ialah sebanyak mungkin persamaan peristilahan dan semimum mungkin pula perbezaannya. Menurut Asmah Hj. Omar (2004), dalam kerja pembentukan istilah di peringkat MABBIM, padanan istilah bahasa sasaran bagi bidang-bidang yang dibincangkan merupakan padanan dalam bahasa Melayu dan Indonesia. Namun begitu, terdapat kategori “Istilah yang dipersetujui bersama” dan “Istilah yang dipersetujui berbeza seluruhnya”. Hal ini menunjukkan bahawa negara anggota MABBIM hendaklah saling menghormati tradisi

yang sudah diamalkan di tiap-tiap negara dan dengan itu tidak memaksa yang satu lagi mengikut yang lain. Kertas ini cuba menelusuri perbezaan-perbezaan yang wujud dengan berpandukan analisis linguistik.

### Leksikografi dan Terminografi

Sebelum melihat lebih lanjut lagi mengenai perbezaan antara istilah MABBIM yang telah tercipta, adalah lebih baik diketahui perbezaan antara leksikografi dengan terminografi terlebih dahulu. Antara sebabnya adalah untuk memaklumkan pembaca umum bahawa dua bidang ini memang berlainan meskipun cara persembahannya agak serupa. Serupa dari segi mauduk yang dicari, iaitu makna. Keduanya, kerja-kerja perkamusahan lebih terpusat dan tersasar pada penduduk negara ini sementara peristilahan melibatkan pengguna yang lebih luas dan rencam, dan melangkaui batasan geografi dan politik. Sudah pasti masalah peristilahan akan menjadi lebih rencam. Untuk penjelasan lanjut diuraikan perbezaan antara leksikografi dengan terminografi. Ada lapan perbezaan yang nyata antara kedua-duanya. Jadual 1 di bawah dapat menjelaskannya:

**Jadual 1** Perbezaan antara leksikografi dengan terminografi (Hasnah Mohamad, 2005).

Bil.	Konteks perbezaan	Leksikografi	Terminografi
1.	Ruang lingkup	Kosa kata umum sesuatu bahasa	Kosa kata khusus dalam bidang tertentu
2.	Objektif	Menghuraikan ilmu tentang kata	Membatasi konsep dengan penyaringan dan pengelasan istilah ke dalam sesuatu bidang
3.	Orientasi	Pada dasarnya bersifat deskriptif	Pada dasarnya bersifat preskriptif
4.	Pendekatan	Pendekatan linguistik terhadap unit asas (kata)	Pendekatan konsep terhadap unit asas (kata): istilah menerangkan konsep
5.	Data	Sumber data daripada bahasa untuk tujuan umum	Sumber data daripada bahasa untuk tujuan

*sambungan Jadual 1*

Bil.	Konteks perbezaan	Leksikografi	Terminografi
		bahasa untuk tujuan umum bahasa untuk tujuan umum memberikan maklumat: – linguistik- – pragmatik	khusus (LSP). Entri kamus istilah memberikan maklumat: – linguistik – konsep – pragmatik
6.	Kaedah	Semasiologi – bermula daripada kata kepada maknanya	Onomasiologi – bermula daripada makna konsep kepada bentuk linguistiknya
7.	Tahap Komunikasi	Formal, tak formal, slanga, dan sebagainya.	Mengikut profesion yang berlainan
8.	Pengguna	Pengguna umum – lebih meluas	Pengguna dalam bidang yang berkaitan – bilangannya terhad.

Jelasnya, perbezaan antara kedua-dua bidang ini menuntut perhatian yang berbeza kerana kekhususan yang berbeza. Tambahan pula sasarannya tidak sama. Kamus mungkin untuk kegunaan dalam negara secara khusus sementara peristilahan melibatkan pengguna serantau.

Meskipun wujud hambatan-hambatan peristilahan antara dua negara ini, penutur Melayu di rantau ini perlu membuktikan kemampuan mereka mencipta istilah. Menurut Hassan Ahmad (2004), bangsa yang maju di dunia sejak zaman dahulu kala hingga ke zaman moden pada hari ini ialah bangsa yang mampu menghasilkan ilmu sains, teknologi, penulisan dan penerbitan, kesenian, kesusasteraan, sistem ekonomi, dan sistem politik yang cekap, bermutu tinggi, produktif dan kreatif, dalam bahasanya sendiri, bukan dalam bahasa orang lain. Seterusnya beliau menambah, untuk menjadi alat penjana peradaban tinggi melalui bidang-bidang kegiatan yang tersebut itu, pengguna bahasa perlu menguasai ragam bahasa tinggi, atau ragam bahasa baku, bukan ragam dialek daerah atau ragam bahasa pasar yang hanya sesuai digunakan dalam perhubungan sosial dan perhubungan “tak formal” yang biasa. Maka dengan itu, pembentukan istilah tidak terkecuali daripada saranan ini.

## TATACARA PENGENALPASTIAN MASALAH PERISTILAHAN MALAYSIA – INDONESIA

Bertitik tolak daripada masalah yang dihadapi oleh peristilahan, satu kajian perbezaan antara istilah dua negara, iaitu antara Malaysia dengan Indonesia telah dijalankan. Dalam projek kajian perbezaan ini, penelitian dibuat bagi mencari ciri-ciri perbezaan dari sudut linguistik. Ini sedikit sebanyak akan membantu pengguna bahasa memahami sebab wujudnya masalah dalam istilah MABBIM itu sendiri. Bagi memudahkan pengendalian data yang rencam, kod-kod diberikan pada ciri-ciri perbezaan tersebut. Perbezaan tersebut dibentuk dan diberikan kod seperti yang berikut (sila lihat Lampiran 1 untuk memahami pengkategorian yang telah dibuat):

- (i) Kod (1) kata tunggal, contoh, **bakteria** (Malaysia), **bakteri** (Indonesia).
- (ii) Kod (2) gabungan kata, contoh, **imbangan pembayaran** (Malaysia), **neraca pembayaran** (Indonesia).
- (iii) Kod (3) perbezaan morfologi, contoh, **penyesuaian** (Malaysia), **penyesuai** (Indonesia).
- (iv) Kod (4) perbezaan fonologi contoh, **pita magnet** (Malaysia), **pita magnetik** (Indonesia).

Secara umumnya, dalam pembentukan istilah padanan istilah, bahasa Melayu dan bahasa Indonesia dibentuk melalui dua cara, iaitu pertama, melalui bahasa ibunda sendiri, dan kedua, pinjaman daripada istilah asing. Kedua-dua cara ini disebut sebagai istilah asli, dan istilah pinjaman dalam kajian ini.

Istilah asli dan istilah pinjaman ini digolongkan dalam ciri-ciri perbezaan tersebut dan diberikan kod perincian seperti yang berikut:

- (i) asli – asli, iaitu asli (Malaysia) – asli (Indonesia), contohnya **tahun asas** (Malaysia), **tahun dasar** (Indonesia).
- (ii) pinjam – asli, iaitu pinjam (Malaysia) – asli (Indonesia), contohnya **mood** (Malaysia), **suasana hati** (Indonesia).
- (iii) asli – pinjam, iaitu asli (Malaysia) – pinjam (Indonesia), contohnya **perlindungan berkesan** (Malaysia), **proteksi efektif** (Indonesia).
- (iv) pinjam – pinjam, iaitu pinjam (Malaysia) – pinjam (Indonesia) contohnya **faksimile** (Malaysia), **faximil** (Indonesia).

Seterusnya bagi menentukan tahap pemahaman padanan istilah Indo-

nesia dari sudut padanan istilah Melayu, terutama dari segi penggunaan padanan istilah asli, pelabelan telah diberikan seperti yang berikut:

- (i) **Telus** yang merujuk kepada istilah Indonesia yang maknanya mudah difahami atau boleh dirujuk dalam Kamus Dewan, contohnya **get laluan** (Malaysia), **gerbang** (Indonesia).
- (ii) **Konflik** yang merujuk kepada bentuk istilah Indonesia yang maknanya menimbulkan kekeliruan atau maknanya berbeza dengan makna yang diberikan oleh Kamus Dewan, contohnya **penolak separuh** (Malaysia), **pengurang separuh** (Indonesia).
- (iii) **Legap** yang merujuk kepada istilah Indonesia yang maknanya tidak dapat difahami langsung, contohnya **gelung** (Malaysia), **ansa** (Indonesia).

## Huraian Perbezaan Istilah Bahasa Melayu dengan Bahasa Indonesia

Huraian perbezaan ini akan membincangkan bentuk kata (tunggal, gabungan kata), pengaruh kata pinjaman, dan aras kefahaman istilah (telus, konflik dan legap) sekali gus bersandarkan analisis linguistik.

### a. Data Istilah Telus

Kategori telus, dapat dibahagikan kepada lima, iaitu:

1. Istilah yang dimasukkan dalam kategori telus ialah istilah yang sama oleh kedua-dua buah negara tetapi berbeza dari segi ejaan. Contohnya,

**Jadual 2** Istilah yang sama tetapi berbeza dari segi ejaan.

Bahasa Sumber	Bahasa Melayu	Bahasa Indonesia
<i>ceramic</i>	seramik	keramik
<i>lamp schedule</i>	jadual lampu	jadwal lampu
<i>debt</i>	hutang	utang
<i>basket of currencies</i>	bakul mata wang	bakul mata uang
<i>facsimile (fax)</i>	faksimile (faks)	faximil (fax)

Ejaan yang berbeza berpunca daripada sistem fonetik dan fonologi negara asal. Kadangkala ada juga pengaruh daripada sistem ejaan negara jajahan, contohnya Malaysia daripada pengaruh bahasa Inggeris dan Indo-

nesia daripada bahasa Belanda. Faktor ini mempengaruhi cara sistem ejaan istilah itu sendiri. Contohnya, *jadwal*, *uang* dan *utang* memang dikenal pasti sebagai ejaan Indonesia. Namun begitu, ia masih dapat difahami. Manakala *keramik* dan *faximil* ialah kata serapan daripada bahasa Inggeris yang disesuaikan mengikut sebutan Indonesia.

2. Istilah yang dianggap telus apabila salah satu negara menggunakan bahasa Inggeris yang telah disesuaikan ejaan, dan membawa makna yang sama oleh negara yang satu lagi. Contohnya,

**Jadual 3** Istilah yang menggunakan bahasa Inggeris yang disesuaikan ejaan dan membawa makna yang sama.

Bahasa Sumber	Bahasa Melayu	Bahasa Indonesia
<i>accelerator coefficient</i>	pekali pencepat	koefisien pencepat
<i>accessory heart</i>	jantung aksesori	jantung pelengkap
<i>glare protector</i>	pelindung silau	protektor silau
<i>capital depletion</i>	pemupusan modal	deplesi modal
<i>image map</i>	peta imej	peta citra

Daripada contoh di atas, jelas bahawa gabungan kata yang merupakan aspek morfologi yang terlibat. Istilah ini menjadi telus kerana menggunakan kaedah serapan dan mematuhi hukum D-M. Contohnya, *koefisien*, *aksesori*, *protektor*, *deplesi* dan *imej* ialah istilah yang telah menjadi milik umum dan tidak akan mendatangkan masalah yang besar kepada pengguna bahasa. Aspek morfologi di sini boleh dianggap mudah.

3. Istilah yang digunakan merupakan istilah Inggeris yang telah disesuaikan ejaannya oleh kedua-dua buah negara. Contohnya,

**Jadual 4** Istilah bahasa Inggeris yang telah disesuaikan ejaannya.

Bahasa Sumber	Bahasa Melayu	Bahasa Indonesia
<i>adecticius pupa</i>	kepompong adektikus	pupa adektikus
<i>baryon number</i>	nombor barion	bilangan barion
<i>cervical plate</i>	plat serviks	piringan serviks
<i>ecdysial fluid</i>	bendalir eksidisis	cairan eksidisis
<i>acrotrophic egg tubul</i>	tubul telur akrotrof	tabung telur akrotrof

Bagi contoh data di atas, kedua-dua buah negara menggunakan kaedah terjemahan dan serapan. Walaupun ada sedikit perbezaan, kesukaran makna itu masih boleh diramalkan oleh pengguna. Data (3) juga merupakan gabungan kata. Contoh terjemahan ialah *bilangan*, *piringan*, *cairan* dan *telur*. Manakala kata serapan pula ialah *nombor*, *palt*, *akrotrof* dengan penyesuaian ejaan.

- Istilah yang digunakan oleh kedua-dua buah negara ialah bahasa Melayu dan bahasa Indonesia asli, walaupun bukan menggunakan istilah yang sama. Contohnya,

**Jadual 5** Istilah yang menggunakan bahasa Melayu dan bahasa Indonesia asli.

Bahasa Sumber	Bahasa Melayu	Bahasa Indonesia
<i>banded leaf blight</i>	hawar daun jalur	hawar daun berlurikan
<i>benefit approach</i>	pendekatan faedah	pendekatan maslahat
<i>base year</i>	tahun asas	tahun dasar
<i>firepower</i>	kuasa tembak	daya tembak
<i>heading</i>	tajuk	judul

Data (4) lebih menarik kerana selain mempunyai kata tunggal dan kata gabungan, kesemua contoh merupakan kata istilah yang mengekalkan bahasa asal. Meskipun terdapat perbezaan pada sekurang-kurangnya satu kata, masalah pemahaman boleh dikatakan tiada.

- Istilah dianggap telus sekiranya menggunakan imbuhan yang berlainan, tetapi difahami oleh kedua-dua buah negara sebagai membawa maksud yang sama.

**Jadual 6** Istilah yang menggunakan imbuhan yang berlainan tetapi boleh difahami.

Bahasa Sumber	Bahasa Melayu	Bahasa Indonesia
<i>deposition mask</i>	topeng pemendapan	topeng endapan
<i>detail balance</i>	imbangan terperinci	keseimbangan inci
<i>hierarchical menu</i>	menu berhierarki	menu hierarkis
<i>reinterpretation</i>	tafsiran semula	pentafsiran kembali
<i>wildlife</i>	hidupan liar	kehidupan liar

6. Istilah bahasa Inggeris yang disesuaikan ejaannya dan diberikan imbuhan bahasa Melayu. Contohnya,

**Jadual 7** Istilah bahasa Inggeris yang diberikan imbuhan bahasa Melayu.

Bahasa Sumber	Bahasa Melayu	Bahasa Indonesia
<i>Batesian mimicry</i>	kemimikan Bayes	mimikri Bayes
<i>esterification</i>	pengesteran	esterifikasi
<i>imaging</i>	pengimejan	pencitraan
<i>diagonalization Dirac</i>	pemenjuruan Dirac	perdiagonalan Dirac
<i>image processing</i>	pemprosesan imej	pemrosesan citra

7. Istilah yang diberikan imbuhan bahasa Inggeris. Contohnya,

**Jadual 8** Istilah yang diberikan imbuhan bahasa Inggeris.

Bahasa Sumber	Bahasa Melayu	Bahasa Indonesia
<i>lactose intolerance</i>	tak toleransi laktosa	intoleransi laktosa
<i>non-union</i>	tak taut	non-taut
<i>nonfiction film</i>	filem bukan fiksyen	film nonfiksi

8. Istilah yang salah satu negara menggunakan kata dasar dan satu lagi menggunakan kata terbitan (imbuhan). Contohnya,

**Jadual 9** Istilah yang menggunakan kata dasar dan kata terbitan.

Bahasa Sumber	Bahasa Melayu	Bahasa Indonesia
<i>Batesian mimicry</i>	kemimikan Bayes	mimikri Bayes
<i>below the line item</i>	butiran di bawah garisan	butir di bawah garis
<i>waste water system</i>	sistem air buangan	sistem air limbah
<i>under frame</i>	rangka bawah	kerangka bawah
<i>banded leaf blight</i>	hawar daun jalur	hawar daun berlurikan

Contoh data 5, 6, 7 dan 8 melibatkan aspek morfologi, iaitu imbuhan dan kata gabungan. Daripada data ini juga didapati wujud kelainan dari segi penggunaan imbuhan antara kedua-dua buah negara ini, Contohnya,

pemendapan dan endapan, pengesteran dan esterifikasi, tak toleransi laktosa dan intoleransi laktosa. Namun begitu, perbezaan yang dimaksudkan itu boleh dianggap minimum kerana pengguna bahasa dapat meramalkan perbezaan tersebut.

Daripada kesemua contoh data telus yang diperoleh, perbezaan yang berlaku sesungguhnya berpunca daripada sistem fonologinya. Perbezaan ini meliputi perbezaan dari segi ejaan yang digunakan oleh kedua-dua buah negara, contohnya **berhujung** (Malaysia) dan **berujung** (Indonesia), **hutang** (Malaysia) dan **utang** (Indonesia), **jadual** (Malaysia) dan **jadwal** (Indonesia), **beza** (Malaysia) dan **beda** (Indonesia) serta **salasilah naskhah** (Malaysia) dan **silsilah naskah**<sup>1</sup> (Indonesia). Walaupun bentuk ejaan yang digunakan oleh kedua-dua buah negara adalah berbeza, istilah yang digunakan oleh Indonesia masih boleh difahami oleh Malaysia.

Jika diteliti dari sudut sejarah, sebenarnya masalah sistem ejaan antara Malaysia dengan Indonesia pernah dibincangkan. Dalam menjalankan persahabatan antara kedua-dua buah negara, perkara pertama dalam bidang kebahasaan yang dibawa ke meja perundingan ialah masalah perbezaan ejaan antara kedua-dua buah negara. Pada tahun 1959, perundingan antara Jawatankuasa Ejaan Rumi Baharu Persekutuan Tanah Melayu dengan Panitia Pelaksanaan Kerdjasama Bahasa Melaju – Bahasa Indonesia telah mencapai satu konsensus untuk menggunakan satu sistem ejaan yang dinamakan Ejaan Melindo tetapi sistem tersebut tidak pernah digunakan. Begitu juga pada tahun 1967, satu lagi perundingan diadakan antara Malaysia dengan Indonesia bagi membincangkan sistem ejaan baharu. Walaupun persefahaman telah disepakati, Sistem Ejaan 1967 tersebut tidak juga dilaksanakan. Tetapi bagi kes-kes contoh istilah di atas, perbezaan minimum seharusnya tidak melembapkan usaha sama yang telah sekian lama terjalin.

Ini disebabkan pembentukan istilah sepatutnya bukan sahaja mesti mampu memahamkan pengguna tempatan malah yang lebih sukar lagi adalah untuk menjadikan istilah-istilah tersebut dapat digunakan secara maksimum oleh penutur serantau. Perbezaan yang telus ini hanya setakat melibatkan darjah ketidakfahaman yang kecil. Malah usaha untuk cuba mengelakkan ketidakfahaman antara pengguna serantau boleh dianggap usaha yang terpuji.

---


1 Ada beberapa istilah lain selain data yang dipilih untuk dijadikan contoh.

## b. Data Istilah Konflik

Selain telus, istilah konflik juga turut ditemukan. Konflik merujuk kepada bentuk istilah Indonesia yang maknanya menimbulkan kekeliruan atau maknanya berbeza dengan makna yang diberikan oleh Kamus Dewan. Data konflik selalunya akan menimbulkan masalah pemahaman. Daripada data-data yang tersenarai, konflik akan muncul apabila sistem fonologi dan morfologinya jelas berbeza. Kadangkala masalah semantik juga dapat dikesan dalam kes konflik ini.

### *Perbezaan Morfologi*

Daripada 180 data perbezaan bentuk morfologi dan perbezaan bentuk fonologi yang terkumpul, didapati 39 data ialah perbezaan bentuk morfologi, sementara 141 data ialah perbezaan bentuk fonologi (banyak kes yang muncul adalah pada kategori telus). Berdasarkan kajian, dapatkan menunjukkan perbezaan morfologi adalah dalam bentuk imbuhan yang kedua-dua buah negara menggunakan kata asli. Carta pai di bawah menunjukkan peratus perbezaan tersebut.



Berdasarkan carta pai di atas, didapati 87% perbezaan bersumberkan kata asli, iaitu kedua-dua buah negara menggunakan kata asli; 13% perbezaan kata asli – pinjam, iaitu Malaysia masih mengekalkan kata asli manakala Indonesia menggunakan kata pinjaman. Perbezaan morfologi dari sudut penggunaan kata asli oleh Malaysia dan kata pinjaman oleh Indonesia serta kata pinjam oleh kedua-dua buah negara, dapatkan menunjukkan tiada data, iaitu kosong peratus.

### ***Perbezaan Morfologi Asli-Asli***

Lapan puluh tujuh peratus perbezaan morfologi dalam penggunaan kata asli yang digunakan oleh kedua-dua buah negara merupakan perbezaan dari sudut penggunaan imbuhan yang berbeza. Penggunaan imbuhan yang berbeza mempengaruhi perbezaan makna antara kedua-dua buah negara dalam kajian ini disebut sebagai konflik. Contohnya adalah seperti yang berikut:

**Jadual 10 Perbezaan bentuk morfologi asli – asli.**


Istilah Sumber	Malaysia	Indonesia	Kategori Perbezaan	Bidang
<i>account sale</i>	akaun jualan	akun penjualan	konflik	Ekonomi
<i>capital flight</i>	larian modal	pelarian modal	konflik	Ekonomi
<i>matching</i>	penyesuaian	penyesuai	konflik	Komunikasi Massa
<i>absorption</i>	penyerapan	serapan	konflik	Fizik
<i>wildlife</i>	hidupan liar	kehidupan liar	konflik	Pertanian

Daripada contoh data di atas, dapatkan menunjukkan perbezaan istilah bentuk morfologi yang digunakan oleh kedua-dua buah negara, iaitu (1) ***account sale*** dalam bidang ekonomi, Malaysia menggunakan istilah **akaun jualan** manakala Indonesia menggunakan **akun penjualan**. Dalam Kamus Dewan, jualan membawa maksud “**barang-barang yang dijual**” manakala penjualan membawa maksud “**perbuatan (kerja) menjual**”. (2) ***capital flight*** dalam bidang ekonomi, Malaysia menggunakan istilah **larian modal** manakala Indonesia menggunakan **pelarian modal**. Dalam Kamus Dewan, larian membawa maksud “**perbuatan (pergerakan) lari**”, pelarian membawa maksud “**orang yang melarikan diri**”. (3) ***matching*** dalam bidang Komunikasi Massa, Malaysia menggunakan **penyesuaian** manakala Indonesia menggunakan **penyesuai**. Dalam Kamus Dewan, perkataan penyesuaian membawa maksud “**perihal bersesuaian**”, penyesuai membawa maksud “**alat dan lain-lain yang menyesuaikan**”. (4) ***absorption*** dalam bidang Fizik, Malaysia menggunakan **penyerapan** tetapi Indonesia menggunakan **serapan**. Dalam Kamus Dewan, penyerapan membawa maksud “**proses menyerap**” dan serapan membawa maksud “**hasil**

menyerap". (5) *wildlife* dalam bidang pertanian, Malaysia menggunakan **hidupan liar** manakala Indonesia menggunakan **kehidupan liar**. Dalam Kamus Dewan, hidupan bermaksud "sesuatu yang hidup" dan kehidupan bermaksud "perihal hidup".

Jika dilihat daripada contoh data istilah di atas, didapati bahawa walaupun istilah sumber yang digunakan adalah sama, kedua-dua buah negara menggunakan imbuhan yang berbeza. Penggunaan imbuhan yang berbeza menyebabkan berlakunya perbezaan maksud yang dikategorikan sebagai konflik. Meskipun kedua-dua negara cuba mengekalkan kata asli dan kemudiannya menggunakan imbuhan Melayu tetapi hasilnya tidak mampu memberikan satu bentuk istilah yang difahami bersama. Sistem imbuhan yang berbeza boleh membawa makna yang berbeza. Contohnya, dalam jadual konflik di atas, apabila bahasa Melayu menggunakan imbuhan proses seperti "penyesuaian", "penyerapan", bahasa Indonesia pula menggunakan imbuhan yang bermaksud hasil seperti serapan dan begitu jugalah sebaliknya. Ketidaksamaan inilah yang menimbulkan konflik. Sebagaimana yang dinyatakan oleh Asmah (2001), perbezaan ini mesti dihormati demi kepentingan bersama.

Carta yang berikut menunjukkan peratus kategori perbezaan penggunaan kata asli yang menunjukkan pemahaman istilah yang digunakan.



Daripada carta di atas, dapatan menunjukkan 88% kategori perbezaan adalah konflik. Imbuhan yang digunakan oleh Indonesia membawa maksud yang berbeza daripada maksud yang diberikan oleh Kamus Dewan. Contohnya, istilah *akaun jualan* yang digunakan oleh Malaysia dan *akun penjualan* yang digunakan oleh Indonesia. Ini menyebabkan berlakunya konflik pemahaman makna terhadap istilah yang digunakan. Sembilan peratus daripada perbezaan bentuk morfologi yang digunakan oleh kedua-

dua buah negara dikategorikan sebagai legap dan tiga peratus dikategorikan sebagai telus, contohnya adalah seperti data yang berikut:

**Jadual 11 Perbezaan bentuk morfologi.**

Istilah Sumber	Malaysia	Indonesia	Kategori Perbezaan	Bidang
<i>defoaming agent</i>	agen penyahbuih	agen awabusa	legap	Kimia
<i>desorption energy</i>	tenaga nyah jerap	tenaga awajerap	legap	Fizik
<i>symbolic order</i>	tataan simbolik	tatanan simbolik	legap	Kesusasteraan
<i>diagonalization Dirac</i>	pemenjuruan Dirac	perdiagonalan Dirac	telus	Fizik

Penggunaan istilah **agen penyahbuih** (Malaysia) dan **agen awabusa** (Indonesia), **tenaga nyah jerap** (Malaysia) dan **tenaga awajerap** (Indonesia), **tataan** (Malaysia) dan **tatanan** (Indonesia) dikategorikan legap kerana istilah yang digunakan oleh Indonesia tidak difahami langsung oleh penutur Malaysia. Penggunaan istilah **pemenjuruan Dirac** (Malaysia) dan **perdiagonalan Dirac** (Indonesia) dikategorikan telus kerana istilah yang digunakan oleh Indonesia mempunyai maksud yang sama dengan istilah yang digunakan oleh Malaysia.

### ***Perbezaan Morfologi Asli – Pinjam***

Berdasarkan carta pai perbezaan bentuk morfologi, 13% perbezaan bentuk tersebut adalah daripada asli – pinjam, iaitu Malaysia menggunakan istilah asli manakala Indonesia menggunakan istilah pinjam, contoh seperti yang berikut:

**Jadual 12 Perbezaan bentuk morfologi asli – pinjam.**

Istilah Sumber	Malaysia	Indonesia	Kategori Perbezaan	Bidang
<i>hierarchical menu</i>	menu	menu hierarkis berhierarki	konflik	Teknologi Maklumat
<i>hierarchical report</i>	laporan berhierarki	laporan hierarkis	konflik	Teknologi Maklumat
<i>hierarchical control</i>	kawalan berhierarki	pengendalian hierarkis	konflik	Sains Politik

Berdasarkan jadual di atas, dapat dilihat perkataan *hierarchical* dalam bidang teknologi maklumat dan sains politik, menunjukkan perbezaan bentuk morfologi yang digunakan oleh kedua-dua buah negara, Malaysia mengekalkan imbuhan “ber-”, iaitu **berhierarki** manakala Indonesia mengekalkan istilah pinjam, iaitu **hierarkis**. Penggunaan kedua-dua istilah ini dikategorikan konflik kerana istilah yang digunakan oleh Indonesia boleh difahami tetapi menimbulkan kekeliruan dari segi makna.

Huraian yang boleh diberikan adalah seperti yang berikut: Di sini ada dua jenis imbuhan yang boleh membawa dua fungsi yang berlainan. Contohnya, Malaysia menggunakan istilah *kawalan* dan Indonesia menggunakan istilah *pengendalian* untuk istilah sumber, *control*. Dari segi imbuhan, “-an” menunjukkan hasil sementara “peN-an” ialah proses. Wujud perbezaan makna di sini adalah kerana hasil daripada penggunaan imbuhan yang tidak sama. Ini ditambah lagi dengan imbuhan “ber-” dan “-is”. “Ber-” menunjukkan hal atau keadaan. Bagi istilah Malaysia, yang hendak difokuskan ialah hal kawalan itu sendiri. Tetapi berlainan pula dengan Indonesia, mereka menggunakan imbuhan “-is” yang menghasilkan kata adjektif untuk menerangkan kata proses “kendali” itu. Di sini wujud perbezaan bertingkat yang menimbulkan konflik dan sekali gus menyukarkan pemahaman antara dua negara.

### ***Perbezaan Semantik***

Yang berikut pula ialah contoh konflik yang terjadi hasil daripada perbezaan makna.

**Jadual 13** Konflik akibat perbezaan makna.

Bil.	B. Melayu	B. Indonesia	B. Inggeris	Kategori Perbezaan	Bidang
1.	hingar	gaduh	<i>noisy</i>	konflik	Komunikasi Massa
2.	Lowong	rongga	<i>voids</i>	konflik	Pertanian
3.	Plot	Alur	<i>Plot</i>	konflik	Kesusasteraan
4.	Pastoral	gembalaan	<i>Pastoral</i>	konflik	Kesusasteraan
5.	Pageant	Pentas kereta	<i>Pageant</i>	konflik	Kesusasteraan
6.	Acahan (tentera)	tipuan (tentera)	<i>feint (military)</i>	konflik	Sains Politik
7.	penetasan	kemunculan	<i>eclosion</i>	konflik	Biologi

Selain aspek morfologi, ditemui juga contoh data istilah yang boleh dilihat perbezaannya berdasarkan makna. Perbezaan makna boleh disebabkan oleh faktor lokaliti, budaya dan bahasa sumber pinjaman. Selalunya istilah-istilah yang mempunyai istilah yang berkonflik memang tidak dapat membantu pembaca menelah makna yang hendak disampaikan. Contohnya, perkataan *hingar* dan *gaduh*, *lowong* dan *rongga*, *plot* dan *alur*, *acahan* dan *tipuan* tidak dapat memberikan klu kepada kedua-dua pihak pengguna istilah makna yang cuba disampaikan.

Mengikut teori Relevans, iaitu teori yang mengaitkan hubungan antara komunikasi dengan kognisi, istilah berkonflik akan menjadi tidak relevan dan tidak akan digunakan sama sekali. Risiko kesalahfahaman maknanya sangat tinggi. Kos memproses di peringkat kognitif menjadi sangat sukar dan akhirnya boleh menyebabkan ketergendalaan komunikasi.

### c. Data Istilah Legap

Data istilah yang legap merujuk kepada istilah Indonesia yang maknanya tidak dapat difahami langsung. Istilah itu tidak mampu memberikan klu kepada pengguna istilah tentang makna yang cuba disampaikan. Istilah legap ada pada kata tunggal, perbezaan morfologi dan fonologi. Contoh-contoh di bawah akan menjelaskan lagi maksud data istilah legap. Istilah legap boleh disebabkan oleh perbezaan ejaan (fonologi) atau perbezaan kosa kata yang berlainan sama sekali. Antara contoh kata tunggal yang legap adalah seperti jadual di bawah:

**Jadual 14** Istilah legap disebabkan perbezaan ejaan atau kosa kata.

Bil.	B. Melayu	B. Indonesia	B. Inggeris	Kategori	Bidang
1.	wabak	wabah	<i>outbreak</i>	legap	Perubatan
2.	gelung	ansa	<i>loop</i>	legap	Perubatan
3.	beguk	gondong	<i>mump</i>	legap	Perubatan
4.	asas	pondasi	<i>foundation</i>	legap	Kejuruteraan
5.	paronomasia	plesetan	<i>paronomasia</i>	legap	Kesusasteraan
6.	fail	berkas	<i>fail</i>	legap	Teknologi Maklumat

Contoh-contoh di atas sekali lagi boleh dikaitkan dengan faktor budaya dan lokaliti. Yang dikatakan faktor budaya dan lokaliti ialah perkataan yang dipakai telah mantap digunakan di negara masing-masing. Perubahan istilah

yang standard bagi kedua-dua buah negara telah tidak dipersetujui kerana istilah-istilah itu mungkin merujuk kepada makna yang lain pula bagi negara-negara yang terlibat. Contohnya, istilah fail. Di Malaysia, “fail” diserapkan terus daripada bahasa Inggeris, dan memang difahami maksudnya. Tetapi jika kita menuarkannya kepada “berkas” demi kepentingan kerjasama antara dua negara, sudah pasti perkataan “berkas” itu sendiri tidak dapat diterima kerana berkas di Malaysia bermaksud “ditangkap”. Jadi, perbezaan makna yang wujud dapat difahami kerana bahaya perubahan rujukan dan kadangkala membawa konotasi yang kurang baik akan timbul. Begitulah seterusnya dengan perkataan lain seperti *hingar* dan *gaduh*, *lowong* dan *rongga*, *acahan* dan *tipuan*. Selain berbeza rujukan maknanya, kesemua perkataan ini mempunyai makna konotasi lain yang tidak sesuai untuk diketengahkan.

Istilah legap juga wujud pada gabungan kata. Gabungan kata ini sama ada merujuk kepada gabungan asli-asli, asli-pinjam ataupun pinjam-asli. Jadual di bawah ialah paparan contoh data legap.

**Jadual 15** Contoh data legap.

Bil.	B. Melayu	B. Indonesia	B. Inggeris	Kategori	Bidang
1.	penyedat	pengepakan	<i>packing</i>	legap	Kejuruteraan
2.	akaun pengimbang	akun pengimbang	<i>balancing account</i>	legap	Ekonomi
3.	kad keras	kartu keras	<i>hard card</i>	legap	Teknologi Maklumat
4.	kanser pekerjaan	kanker kerja	<i>occupational cancer</i>	legap	Perubatan
5.	subtanah tidak matang	subsoil mentah	<i>unripe subsoil</i>	legap	Kejuruteraan

Contoh di atas merupakan contoh morfologi yang tidak serupa antara kedua-dua buah negara. Contohnya, imbuhan bagi data satu merujuk kepada makna yang tidak serupa. Malaysia merujuk kepada alat sementara Indonesia pula merujuk kepada proses. Data istilah ini menjadi sukar apabila kata dasar yang digunakan juga berbeza. Ini menyebabkan darjah kefahaman antara dua negara menjadi sukar. Contoh 2-5 pula merujuk kepada gabungan kata. (2) merujuk kepada perbezaan fonologi *akaun* dan *akun*, dalam (3)

pula *kad* dan *kartu*, mementara data 4-5 menunjukkan perbezaan yang ketara. Kedua-dua gabungan kata menggunakan perkataan yang tidak sama. Data (4) melibatkan perbezaan fonologi, iaitu *kanser* dan *kanker*. Ini ditambah pula dengan imbuhan dan kata dasar yang membawa kepada maksud yang berlainan. Kes-kes seperti inilah yang menyebabkan istilah menjadi legap. Manakala dalam data (5,) boleh dikatakan kesemua kata yang digunakan adalah berlainan sama sekali kecuali bagi perkataan ‘*sub*’.

## KESIMPULAN

Daripada paparan data di atas, boleh disimpulkan bahawa kerja-kerja peristilahan boleh menimbulkan beberapa masalah penyelarasan, sama ada dari segi bentuknya mahupun maknanya. Persoalannya sekarang adalah, adakah dengan adanya perbezaan-perbezaan ini akan menghambat kerjasama yang telah berdekad-dekad lamanya diadakan? Perbezaan telus tidak banyak menimbulkan masalah tetapi konflik dan legap memang agak sukar untuk dimanfaatkan. Dengan adanya globalisasi yang melihat bahasa Inggeris menjadi semakin penting dalam dunia pada hari ini, serapan bahasa Inggeris semakin banyak digunakan dan mengurangkan jumlah kata asli serumpun. Ada dua kemungkinan di sini; pertama, secara positifnya, ini akan memudahkan kerja-kerja peristilahan dari segi ketelusan makna istilah yang hendak diketengahkan. Kedua, dari segi negatifnya, kata asli mula kurang dipakai dan ditinggalkan. Walau apa pun keputusan yang diambil, semangat rantau harus dipelihara demi kepentingan bahasa Melayu itu sendiri.

## RUJUKAN

- As'ad Sungguh (ed.), 1998. *Ejaan yang Disempurnakan*. Jakarta: Bumi Aksara.
- Asmah Hj. Omar, 2004. *Muafakat Bahasa: Sejarah MBIM/MABBIM sebagai Pembina Bahasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Hj. Omar, 1982. *Nahu Mutakhir Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hashim Musa, 1997. *Epigrafi Melayu: Sejarah Sistem Tulisan dalam Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hassan Ahmad, 2004. “Memperkasa Bahasa dan Sastera Melayu - Indonesia dalam Mengukuhkan Peradaban Bangsa”. Kertas kerja dlm. *Prosiding Seminar Bahasa dan Sastera MABBIM dan MASTERA*. Brunei Darussalam: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hasnah Mohammad, 2005. “Perbandingan antara Leksikografi dan Terminografi”,

- Kertas kerja Seminar Kebangsaan Linguistik di Bangi, 12–13 April 2005.
- Nik Safiah Karim, 2004. *Bahasa Melayu Sedekad Lalu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nor Hashimah Jalaluddin, 2003. *Bahasa dalam Perniagaan: Analisis Semantik dan Pragmatik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Pedoman Umum Ejaan Bahasa Malaysia*, 1975. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Pedoman Umum Pembentukan Istilah Bahasa Melayu Edisi Baharu*, 2004. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Projek Penyelidikan Persilihan Istilah Malaysia Indonesia*, 2004. Bahagian Peristilahan, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zaharani Ahmad, 2005. “Tuntutan Globalisasi dan Hambatan Lokalisasi dalam Bahasa: Kes Bahasa Melayu dan Bahasa Indonesia”, *SKIM KE-IX*, Bandung, 10–12 Mei 2005.

**Lampiran 1**

ISTILAH SUMBER	MALAYSIA	INDONESIA	CIRI PERBEZAAN (1)	CIRI PERBEZAAN (2)	CIRI PERBEZAAN (3)	CIRI PERBEZAAN (4)	KEPUTUSAN MABBIM	BIDANG	SIDANG
<i>a priori probability</i>	kebarang-kalian a priori	peluang a priori		2b(i)-konflik			B	Biologi	S-5 PAKAR MABBIM
<i>abdominal appendage</i>	pendaj abdomen	embelan abdomen		2b(iii)-legap			B	Biologi	S-4 PAKAR MABBIM
<i>abelian group</i>	kumpulan abelian	grup abelian		2b(iii)-telus			B	Fizik	S-4 PAKAR MABBIM
<i>abrasion resistance</i>	rintangan abrasi	hambatan abrasi/ hambatan ampelas		2b(i)-telus, 2d			B	Fizik	S-6 PAKAR MABBIM
<i>absolute advantage</i>	faedah mutlak	keunggulan mutlak		2b(i)-konflik			A	Ekonomi	
<i>absolute disadvantage</i>	keburukan mutlak	ketakunggulan mutlak		2b(i)-konflik			B	Ekonomi	
<i>absolute resemblance linkage</i>	partan kemiripan mutlak	peraturan kemiripan mutlak		3(i)-konflik			B	Biologi	S-5 PAKAR MABBIM
<i>absorption</i>	penyerapan	serapan, absorpsi	1(iii)-telus	3(i)-konflik			B	Fizik	S-6 PAKAR MABBIM

**Sambungan Lampiran 1**

ISTILAH SUMBER	MALAYSIA	INDONESIA	CIRI PERBEZAAN (1)	CIRI PERBEZAAN (2)	CIRI PERBEZAAN (3)	CIRI PERBEZAAN (4)	KEPUTUSAN MABBIM	BIDANG	SIDANG
<i>accelerant residues</i>	baki bahan pecut	residu pemercepat		2d			A	Kimia MABBIM	S-6 PAKAR
<i>acceleration principle</i>	prinsip pencepatan	asas pacu/ pencepatan		2d, 2b(i)-konflik			B	Ekonomi	
<i>accelerator coefficient</i>	pekali pencepat	koefisien pencepat		2b(iii)-telus			A	Ekonomi	
<i>accessory heart</i>	jantung aksesori	jantung pelengkap		2a(ii)-telus			B	Biologi MABBIM	S-4 PAKAR
<i>accident cost</i>	kos kemalangan	kos kecelakaan		2a(i)-konflik			A	Ekonomi	
<i>account receivable*</i>	akaun belum terima	akun piutang		2d			A	Ekonomi	
<i>account sale</i>	akaun jualan	akun penjualan		2b(iv)-legap	3(i)-konflik		A	Ekonomi	
<i>accounting balance of payment</i>	imbangan pembayaran perakaunan	neraca pembayaran perakuan		2b(iv)-legap			A	Ekonomi	
<i>accounting circle</i>	pusingan perakaunan	kitaran perakuan		2d			A	Ekonomi	
<i>accounting exposure</i>	pendedahan perakunan	pendedahan perakuan		2a(iv)-legap			A	Ekonomi	
<i>accounting framework</i>	rangka kerja perakaunan	rangka kerja perakuan		2a(iv)-legap			A	Ekonomi	

**sambungan Lampiran 1**

ISTILAH SUMBER	MALAYSIA	INDONESIA	CIRI PERBEZAAN (1)	CIRI PERBEZAAN (2)	CIRI PERBEZAAN (3)	CIRI PERBEZAAN (4)	KEPUTUSAN MABBIM	BIDANG	SIDANG
<i>accounting identity</i>	identiti perkaunaan	identitas perakunan		2d			A	Ekonomi	
<i>accounting income</i>	pendapatan perkaunaan	pendapatan perakunan		2a(iv)-legap			A	Ekonomi	
<i>accounting price</i>	harga perkaunaan	harga perakunan		2a(iv)-legap			A	Ekonomi	
<i>accounting wage</i>	upah perkaunaan	upah perakunan		2a(iv)-legap			A	Ekonomi	
<i>accumulated taxable income</i>	pendapatan boleh cukai terkumpul	Pendapatan kena pajak terakumulasi		2a(iii)-konflik			A	Ekonomi	
<i>acephalic/ acephalous</i>	asefalon	asefala				4b-telus	B	Biologi	S-4 PAKAR MABBIM
<i>acetylsalicylic acid poisoning</i>	keracunan asid asetilsalisilik	keracunan asam asetilsalisilat		2a(ii)-konflik		4b-telus	B	Kimia	S-6 PAKAR MABBIM
<i>acid fuchsin</i>	asid fuksin	fuksin asam						B	Kimia
<i>acquisition feeding</i>	makan perolehan	makan pemerolehan		3(i)-konflik			B	Biologi	S-4 PAKAR MABBIM

**sambungan Lampiran 1**

ISTILAH SUMBER	MALAYSIA	INDONESIA	CIRI PERBEZAAN (1)	CIRI PERBEZAAN (2)	CIRI PERBEZAAN (3)	CIRI PERBEZAAN (4)	CIRI KEPUTUSAN MABBIM	BIDANG	SIDANG
<i>acquisition possibilities line</i>	garis kemungkinan pemerolehan	garis kementakan pemerolehan		2b(i)-legap			B	Ekonomi	
<i>acrotrophic egg tube</i>	tubul telur akrotrof	tabung telur akrotrof		2b(i)-telus			B	Biologi	S-4 PAKAR MABBIM
<i>action integral</i>	kamilan tindakan	integral aksi		2d			B	Fizik	S-4 PAKAR MABBIM
<i>activity analysis</i>	analisis aktiviti	analisis aktivitas				4b-tehus	A	Ekonomi	
<i>actual consumption</i>	penggunaan sebenar	konsumsi aktual		2d			B	Ekonomi	
<i>actual investment</i>	pelaburan sebenar	investasi aktual		2d			B	Ekonomi	
<i>acute symptom</i>	gejala akut	gejala parah		2a(ii)-konflik			B	Biologi	S-4 PAKAR MABBIM
<i>adaptive ocelli</i>	oselus menyusai	oselus penyesuai			3(i)-konflik		A	Biologi	S-4 PAKAR MABBIM
<i>adepticius pupa</i>	kepompong adektikus	pupa adektikus		2b(iii)-telus			B	Biologi	S-4 PAKAR MABBIM